

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR  
[ CAMERON HIGHLANDS ]**

**SOALAN NO. 362**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah tangkapan/ penguatkuasaan Jabatan Imigresen terhadap pendatang tanpa izin di kawasan Parlimen Cameron Highlands mengikut sektor industri dan memberi penjelasan kenapa tangkapan pendatang asing tanpa izin di sektor pertanian/ tanaman sayur amat kurang. Kementerian juga diminta memberikan penjelasan kenapa operasi bersepadu agensi penguatkuasa di bawah Operasi 'Ops Gading' tidak dilaksanakan sepanjang tahun ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Menjawab persoalan berhubung jumlah tangkapan/ penguatkuasaan JIM terhadap PATI, maklumbalas yang diperolehi dari pihak JIM adalah seperti berikut:

a. Jumlah tangkapan PATI di Cameron Highlands:

<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH</b>
2014	1,064 Orang
2015	510 Orang
2016	248 Orang
2017	73 Orang
2018	88 Orang
2019	23 Orang

b. Penguatkuasaan atau operasi terhadap PATI di Cameron Highlands mengikut jenis premis pula adalah seperti berikut:

<b>TAHUN</b>		<b>2014</b>	<b>2015</b>	<b>2016</b>	<b>2017</b>	<b>2018</b>
<b>BIL.</b>	<b>PERKARA/JENIS PREMIS</b>	<b>JUMLAH</b>				
1.	Ladang atau Tapak Tanaman/ Ternakan	12	27	17	0	0
2.	Kedai/Premis Perniagaan	28	26	14	0	0
3.	Rumah Kayu/Tapak Pembinaan	6	12	10	7	4
4.	Restoran/Kedai Makan	5	12	2	2	2
5.	Rumah Urut/Pusat Hiburan/Pusat Perjudian	2	10	2	4	1
6.	Sekatan Jalanraya	15	9	0	0	0
7.	Rumah Kediaman	7	9	3	5	10
8.	Pasar	0	5	3	0	0
9.	Car Wash/Stesen Minyak/Bengkel Kenderaan	1	4	0	0	0
10.	Kilang	3	2	2	0	0
11.	Lain-lain	31	45	28	1	2
<b>JUMLAH</b>		<b>110</b>	<b>161</b>	<b>81</b>	<b>19</b>	<b>19</b>

c. Tangkapan PATI di sektor pertanian/ tanaman sayuran adalah kurang kerana terdapat kekangan-kekangan dalam pengendalian operasi seperti:

- i. Topografi yang menyulitkan pelaksanaan operasi;
- ii. Kesukaran mengenal pasti majikan yang menggaji PATI;
- iii. Kesesuaian kenderaan;
- iv. Kekangan kewangan untuk operasi;
- v. Tiada kemudahan lokap sementara disediakan;
- vi. Lokasi depot yang jauh; dan
- vii. Kesukaran pendakwaan kerana PATI yang dituduh disiasat di Jabatan Imigresen (JIM) Putrajaya tetapi tindakan di Mahkamah Sepang.

2. Pihak MKN juga telah memohon JIM untuk membuat penguatkuasaan terhadap PATI di Cameron Highlands atas kapasiti sebagai '*lead agency*' dalam hal PATI tetapi atas kekurangan kakitangan telah membantutkan penguatkuasaan ini.

3. Op Gading yang dinyatakan dalam persoalan ini telah dijenamakan kepada Op Lestari melalui pendekatan yang lebih inklusif.

4. Operasi bersepadu agensi penguatkuasa di bawah Op Lestari ada dilaksanakan pada tahun 2019 ini di mana 11 kawasan daripada 61 kawasan yang dikenalpasti dicerobohi, di kawasan tadahan air Sg. Terla dan Sg. Ichat telah dibuat operasi meroboh. Manakala bagi 50 kawasan lagi, tindakan penguatkuasaan terpaksa ditangguhkan berikutan 'perintah injuksi' di Mahkamah Tinggi Kuantan untuk menangguh operasi di kawasan tersebut. Walau bagaimanapun, YAB Menteri Besar Pahang telah memfailkan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuantan tersebut.

Sekian, terima kasih.